



**KOPERASI PERUMAHAN
ANGKATAN TENTERA BERHAD**

LAPORAN TAHUNAN 2022

ISI KANDUNGAN

BIL PERKARA

MUKA SURAT

1. PROFAIL KOPERASI	2
2. CARTA OGRANISASI ALK 2022/2023	3
3. CARTA OGRANISASI KAKITANGAN 2022	5
4. NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-53	7
5. MINIT MESYUARAT AGUNG KE-52	8
6. SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT	25
7. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI 2022	26
8. LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN 2022	31
9. ANGGARAN PENDAPATAN & BELANJAWAN TAHUN 2024	76
10. HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN & SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI	77
11. CALON-CALON ANGGOTA LEMBAGA	78


PROFAIL KOPERASI

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah Kol Zulkifle bin Hashim Lt Kol Ts. Mohd Faisal bin Mahidin PW U I (B) Samsuddin bin Ahmad Mej Muhamad Azuan bin Salehudin Kapt Ahmad Tormudi bin Ja'afar (B) PW I (YoS) Nurzalifah binti Mohd Nor PW I (B) Kamal bin Ahmad Kpl (B) Mohd Zaki bin Ismail	Pengerusi Naib Pengerusi Setiausaha Bendahari Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga Anggota Lembaga
PENASIHAT KEWANGAN	Mej Norazlina binti Ibrahim	
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	Mej Mohd Naim bin Mat Zom Mej Norimah binti Rahim PW II Stanly Anak Saneh	Ketua Anggota Jawatankuasa Anggota Jawatankuasa
JURUAUDIT LUAR	A.Razak & Co 51-2D, 2 nd Floor Jalan Pandan 3/10, Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur	Juruaudit Koperasi Akauntan Bertauliah AF 001959
KAKITANGAN PENGURUSAN	Akmal Hizami bin Ab Rahim Haslina bt Mohammad Morni Zarina binti Ahmad Nor Fariha bt Masaod Noor Hidayana binti Yahya Nurul Farhanan bt Zakaria Mariana binti Mohamad Sallah Siti Fatimah bt Abdul Rahman Zainal bin Yusof Siti Nurain binti Salbini Asnizukacaras bin Saari Suhani binti Idris Ahmad Kamal bin Md Shah Muhammad Fakhrol Idham bin Zapri Khairul Azmil bin Md Jilani Salleh bin Abas Ahmad Muzri bin Ahmat @ Ahmad Yusoff	Ketua Pegawai Eksekutif Pengurus Kewangan & Akaun Pegawai Pengurusan & Pentadbiran Pegawai Keanggotaan / IT Pegawai Kutipan Eksekutif Pelaburan & Pemasaran Setiausaha Eksekutif Koperasi Penyelia Pembiayaan Penyelia Hartanah Kerani Pembiayaan/Kaunter Penyelia Akaun Kerani Kutipan Kerani Fail & Rekod Pembantu Pejabat Penyelia NLL Eco Resort Juruteknik Senggaraan NLL Eco Resort Pekerja Am NLL Eco Resort
PENDAFTARAN	: 4093 Bil. Koop : 473/1, 05 April 1965	
NO TELEFON	: 03 - 41427071 / 7072	
NO FAKS	: 03 - 41425294	
ALAMAT	: No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II) 53300 Kuala Lumpur	
LAMAN WEB E-MEL	: portal.kpatb.com.my : kpatb@kpatb.com.my & kpat_bhd@yahoo.com	

CARTA ORGANISASI

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

2022/2023




ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2022/2023 KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD



BERDIRI DARI KIRI : MEJ MUHAMMAD AZUAN BIN SALEHUDIN, KAPT AHMAD TORMUDI BIN JAAFAR (B), PW I (YOS) NURZALIFAH BINTI MOHD NOR, KPL MOHD ZAKI BIN ISMAIL (B), PW I KAMAL BIN AHMAD (B).

DUDUK DARI KIRI : MEJ NORAZLINA BINTI IBRAHIM (PENASIHAT KEWANGAN), LT KOL TS MOHD FAISAL BIN MAHIDIN (SETIAUSAHA), LT KOL AZARUL AZUAN BIN ABDULLAH (PENGURUS), LT KOL ZULKIFLI BIN HASHIM (NAIB PENGURUS), PW U I SAMSUDDIN BIN AHMAD (B) (BENDAHARI)

CARTA ORGANISASI KAKITANGAN





KAKITANGAN PENGURUSAN KPAT TAHUN 2022/2023



Duduk dari kiri : Muhammad Fakhru Idham bin Zapri, Akmal Hafizi bin Ab Rahim, Akmal Hizami bin Ab Rahim, Akmal Pegawai Eksekutif), Asnizukacaras bin Saari, Ahmad Kamal bin Md Shah.

Berdiri dari kiri : Haslina binti Mohammad Morri, Noor Hidayana binti Yahya, Siti Fatimah binti Abdul Rahman, Nor Fariha binti Masaod Nurul Farhanan binti Zakaria, Nurul Aina Atika binti Mohd Jeffry, Mariana binti Mohamad Sallah, Suhaini binti Idris, Zarina binti Ahmad.


NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE 53

DENGAN INI ADALAH DIBERITAHU bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 53
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPAT) akan diadakan
Secara ATAS TALIAN
pada **22 Oktober 2023 (AHAD)**

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan.
2. Memilih dan melantik 3 orang Anggota Lembaga Koperasi yang baru di kalangan masih berkhidmat.
3. Mengesah dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 52 yang telah diadakan pada 25 September 2022.
4. Menimbang akaun-akaun teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 serta laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (jika ada) serta mengisytiharkan tiada dividen dan tiada hibah ke atas yuran, syer dan simpanan anggota-anggota sebagaimana yang dicadangkan oleh Lembaga serta tiada bayaran honorarium kepada Anggota Lembaga.
5. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan dan Belanjawan meliputi bagi tahun 2024 termasuk perbelanjaan anggota-anggota Lembaga.
6. Melantik panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
7. Menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM 500 juta bagi tahun 2023 / 2024 dengan kadar faedah tidak melebihi kadar pasaran semasa.
8. Menimbang & meluluskan skop & had pelaburan Koperasi bagi tahun 2023 / 2024.
9. Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang suatu notis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga,



LT KOL TS. MOHD FAISAL BIN MAHIDIN
Setiausaha
Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad

TARIKH: 6 OKTOBER 2023.

NOTA:

Tertakluk kepada undang-undang kecil 16, setiap anggota yang hadir akan menerima Elaun Kehadiran yang ditetapkan.

Undang-undang Kecil 16 memperuntukkan tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh satu ratus ringgit syer dan yuran bulanan boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung tersebut.

Anggota-anggota yang ingin penjelasan atau mengesyorkan mengenai sesuatu, adalah dikehendaki menghantar pertanyaan mereka itu secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat tersebut diadakan.

Pendaftaran mesyuarat akan dimaklumkan di dalam Laman Web Koperasi iaitu portal.kpatb.com.my.

Anggota-anggota yang ingin menyertai Mesyuarat Agung Tahunan Ke 53 boleh mengikuti rangkaian yang akan dinyatakan di Laman Web Koperasi iaitu portal.kpatb.com.my.

NOTIS DAN LAPORAN TAHUNAN 2022 BOLEH DIPEROLEH ATAU AKSES MELALUI LAMAN WEB KOPERASI iaitu portal.kpatb.com.my
ATAU MENGHUBUNGI KOPERASI INI DI ALAMAT DI ATAS.

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 52

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD (KPATB)

Secara Atas Talian melalui Zoom Webinar
di Bilik Mesyuarat KPATB
No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II), 53300 Kuala Lumpur
pada 25 September 2022 (Ahad) jam 2.00 petang

KEHADIRAN

Seramai 667 orang anggota telah menyertai termasuk 9 Anggota Lembaga Koperasi (ALK) 2021/2022 iaitu :-

Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah (N/A:40251)	Pengerusi
Mej Makzam bin Ibrahim (N/A:39814)	Naib Pengerusi
Lt Kol Mohd Faisal bin Mahidin (N/A:23481)	Setiausaha
Kapt Ahmad Tormudi bin Ja'afar (Bersara) (N/A:06076)	Bendahari
PW U I (B) Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161)	Anggota Lembaga
PW I (B) Kamal bin Ahmad (N/A:18090)	Anggota Lembaga
PW I Azmi bin Darus (N/A:36000)	Anggota Lembaga
PW I (B) Nek Lah bin Yusof (N/A:40880)	Anggota Lembaga
Kpl (B) Mohd Zaki bin Ismail (N/A:19507)	Anggota Lembaga

Turut Hadir:

Lt Kol Azhar bin Ahmad	Penasihat Kewangan
En Akmal Hizami bin Ab Rahim	Ketua Pegawai ksekutif

PENDAHULUAN

Ini adalah Mesyuarat Agung Tahunan Ke - 52 Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPATB).

- Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah yang telah diberi mandat di bawah Undang-Undang Kecil 34 (1) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung kali ini.
- Pengerusi seterusnya mengisytiharkan jumlah kehadiran anggota secara atas talian sehingga jam 2.00 petang adalah seramai 667 orang daripada jumlah anggota 5,939 orang anggota yang layak sehingga 25 Ogos 2022.
- Kehadiran tersebut adalah mencukupi untuk anggota mesyuarat mengikut Jadual VI, Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 iaitu satu perdua belas dari jumlah anggota atau 650 orang mengikut mana yang kurang.
- Notis pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke - 52 telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 11 Februari 2022.
- Notis Mesyuarat Agung Tahunan telah disiarkan di dalam Berita Harian bertarikh 12 September 2022.

- f. Pengerusi memaklumkan notis dan laporan tahunan telah dimuat naik ke dalam laman web Koperasi (www.kpatb.com.my) pada 12 September 2022 dan boleh diakses mulai hari yang sama.
- g. Notis pencalonan bagi penamaan calon Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah diiklankan dalam akhbar Berita Harian pada 15 Julai 2022 dan tarikh tutup pencalonan pada 25 Julai 2022.
- h. Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi pelantikan ALK di bawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993 sepertimana terkandung dalam garis panduan yang ditetapkan (GP3) bagi semua calon ALK melalui surat SKM bertarikh 19 Ogos 2022.
- i. SKM telah mengesahkan kesemua 5 calon layak bertanding sebagai ALK melalui surat tersebut.

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 52

- 1.1 Selaras dengan arahan Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1/2003 bertarikh 1 Julai 2003 (Para 3.2.2 Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi) mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam orang anggota berikut menganggotai Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 52 iaitu :-

Bil	Anggota yang dipilih	Dicadang	Disokong
1	PW II Noorshaifulhisham bin Mohd Noor (N/A: 42979)	Mej Nazrizal bin Rus (N/A:45005)	PW U I (B) Hairul Azhar bin Sirojudin (N/A: 21532)
2	Mej Nazrizal bin Rus (N/A:45005)	Sjn Norazean Irdanita binti Jemain (N/A:19609)	PW U I (B) Hairul Azhar bin Sirojudin (N/A: 21532)
3	PW U I (B) Hairul Azhar bin Sirojudin (N/A: 21532)	SSjn Che Johan bin Che Rani (N/A:29502)	PW II Noorshaifulhisham bin Mohd Noor (N/A: 42979)
4	Sjn Norazean Irdanita binti Jemain (N/A:19609)	PW II Noorshaifulhisham bin Mohd Noor (N/A: 42979)	Mej Nazrizal bin Rus (N/A:45005)
5	SSjn Che Johan bin Che Rani (N/A:29502)	Sjn Norazean Irdanita binti Jemain (N/A:19609)	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad (N/A: 38614)
6	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad (N/A: 38614)	SSjn Che Johan bin Che Rani (N/A:29502)	Mej Nazrizal bin Rus (N/A:45005)

- 1.2 Empat anggota Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat di kalangan Lembaga yang dilantik ialah Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah (N/A:40251), Lt Kol Mohd Faisal bin Mahidin (N/A:23481), PW U I (B) Samsuddin bin Ahmad (N/A:18161) dan Kpl (B) Mohd Zaki bin Ismail (N/A:19507).
- 1.3 Pengerusi mengumumkan pelantikan Jawatankuasa Penentusah Minit ditutup melalui cadangan PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim (N/A:32247) dan disokong oleh Kpl Nur Liyana binti Mohd Norwi (N/A:44648).

AGENDA 2: MEMILIH DAN MELANTIK TIGA ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YANG BARU

- 2.1 Pengerusi memaklumkan pemilihan 3 orang ALK bagi mengisi kekosongan jawatan mengikut giliran sepertimana Undang-Undang Kecil 37(1).
- 2.2 Seramai 5 orang calon yang layak bertanding untuk mengisi 3 kekosongan ALK yang gugur mengikut giliran. Melalui 2 orang Arbitrator yang dilantik daripada firma guaman Nurliny & Co iaitu Pn Nurliny Che Soh dan En Muzaffar Yazid yang menyaksikan dan menentukan pengiraan undi, keputusan undi calon adalah seperti berikut :

ABJAD	NO ANGGOTA	CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	JUMLAH UNDI
C	39814	Mej Makzam bin Ibrahim (3005751)	410
P	30902	Mej Muhamad Azuan bin Salehudin (3007024)	434
S	41550	PW I (YoS) Nurzalifah binti Mohd Nor (5003956)	418
W	44622	Lt Kol Zulkifle bin Hashim (3005059)	437
Z	44225	PW I (YoS) Somasundram A/L Rinragh (1137154)	302

- 2.3 Tiga calon menang bertanding dan telah disahkan layak oleh SKM adalah :-

1. Lt Kol Zulkifle bin Hashim (N/A:44622)
2. Mej Muhamad Azuan bin Salehudin (N/A:30902)
3. PW I (YoS) Nurzalifah binti Mohd Nor (N/A:41550)

AGENDA 3: MENGESAH DAN MELULUSKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 51 YANG DIADAKAN PADA 26 DISEMBER 2021

- 3.1 Pengerusi memaklumkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke - 51 bertarikh 26 Disember 2021 telah disemak dan ditentusahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan pada 17 Januari 2022 sepertimana pada muka surat 8 hingga 15 buku Laporan Tahunan 2021.
- 3.2 Memandangkan minit mesyuarat tersebut telah disemak dan ditentusahkan oleh jawatankuasa yang dipilih dan dilantik, PW II Haslinda binti Mashod (N/A:38959) mencadangkan Minit Mesyuarat Tahunan Kali Ke-51 tersebut disahkan dan diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh PW II Norlia Binti Abdul Rahman (N/A: 33599).

AGENDA 4: MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, AKAUN-AKAUN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021, LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN JAWAPAN KEPADA LAPORAN, SERTA MENGISYTIHARKAN TIADA DIVIDEN KE ATAS YURAN DAN TIADA HIBAH KE ATAS SIMPANAN ANGGOTA-ANGGOTA SERTA TIADA HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA

- 4.1 Laporan Lembaga Koperasi (muka surat 16 hingga 21), Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sepertimana pada muka surat 22 hingga 68 kepada Buku Laporan Tahunan 2021, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) dan Jawapan Kepada Laporan JKAD seperti yang dipaparkan semasa mesyuarat.
- 4.2 Pengerusi merujuk muka surat 20 para (3.4.4) Laporan Tahunan 2021 bagi Laporan Berkanun, Pengerusi mengumumkan tiada dividen ke atas Modal Yuran dan Modal Syer serta Hibah bagi tahun 2021 dan tiada Honorarium kepada Anggota Lembaga.
- 4.3 PW I Meor Mohd Faizul bin Abd Karim (N/A:32247) mencadangkan Agenda 4 serta laporan-laporan berkaitan dengannya diluluskan dan disokong oleh Kpl Nur Liyana binti Mohd Norwi (N/A:44648).

AGENDA 5: MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN BELANJAWAN MELIPUTI BAGI TAHUN 2023 TERMASUK PERBELANJAAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 5.1 Agenda 5 dibentangkan sepertimana di muka surat 69 buku Laporan Tahunan 2021.
- 5.2 Sjn Samadi bin Jaraie (N/A:40708) mencadangkan supaya Anggaran Pendapatan dan Belanjawan bagi tahun 2023 diluluskan. Cadangan beliau disokong oleh Sjn Norulaslinda binti Sudin (N/A:40112).

AGENDA 6: MELANTIK PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

- 6.1 Pengerusi mencadangkan empat firma Juruaudit Luar Koperasi bagi tahun ini sebagai panel untuk mengaudit akaun Koperasi bagi tahun 2022 iaitu :-
 - 6.1.1 i) AljeffriDean
 - ii) A. Razak & Co
 - iii) Atarek Kamil Ibrahim & Co
 - iv) MNZ Waja Associates
- 6.2 Pengerusi meminta untuk memberi mandat kepada ALK bagi melantik panel Juruaudit Luar bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi sepertimana yang dicadangkan di atas. Sjn Norulaslinda binti Sudin (N/A:40112) mencadangkan supaya Agenda 6 diluluskan. Cadangan itu telah disokong oleh Kpl Nor Ameerah Hidayu binti Azhar (N/A:43388).

AGENDA 7: MENETAPKAN HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM 500 JUTA BAGI TAHUN 2022/2023 DENGAN KADAR FAEDAH TIDAK MELEBIHI KADAR PASARAN SEMASA

- 7.1 Pengurus Kewangan, Puan Haslina binti Morni membentangkan had maksima keterhutangan seperti yang dinyatakan di dalam muka surat 70, Buku Laporan Tahunan 2021 adalah seperti berikut:-

7.1.1	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
7.1.2	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
7.1.3	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
7.1.4	Kemudahan bank dan/atau institusi kewangan bagi aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN		RM 500 juta

7.2 Lembaga akan mendapatkan kelulusan daripada pihak SKM terlebih dahulu sebelum pinjaman luar diperolehi.

7.3 Agenda 7 seterusnya dipersetujui sebulat suara melalui cadangan Ssjn Mohd Shamsuri bin Ab Kadir (N/A:38305) dan disokong oleh Kpl Nur Liyana binti Mohd Norwi (N/A:44648).

AGENDA 8: MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI BAGI TAHUN 2022/2023

8.1 Pengerusi membentangkan perihal skop dan had pelaburan setiap projek atau aktiviti yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :-

8.1.1	Aktiviti pembiayaan kepada anggota	RM 300 juta
8.1.2	Aktiviti pelaburan, perumahan, pembinaan, pembangunan dan pertanian	RM 130 juta
8.1.3	Aktiviti perniagaan, pembekalan dan perusahaan	RM 50 juta
8.1.4	Aktiviti perkhidmatan, pelancongan dan pengangkutan	RM 20 juta
JUMLAH HAD PELABURAN		RM 500 juta

8.2 Agenda 8 seterusnya dipersetujui sebulat suara melalui cadangan Sjn Norulaslinda binti Sudin (N/A:40112) dan disokong Ssjn Mohd Shamsuri bin Ab Kadir (N/A:38305)

AGENDA 9: MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI INI YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN.

9.1 Pengerusi memaklumkan pihak Pengurusan telah menyediakan peti usul bermula 12 September 2022 sehingga 19 September 2022. Dua cadangan usul diterima daripada anggota.

9.2 Usul 1 adalah seperti berikut :-

9.2.1 Nama Anggota : Mohd Asmadi bin Ahmad (N/A:45285) – Usul 1 (i) – Peranan Anggota Lembaga Koperasi

Tujuan pelantikan ALK di dalam pembangunan KPATB dibuat secara telus bagi memastikan KPATB dapat diterajui dengan cemerlang.

9.2.2 Jawapan kepada Usul 1 (i) di atas adalah :-

- a) Prosedur pelantikan ALK adalah secara telus di mana sebelum pandemik Covid 19, undian calon secara bersemuka dan selepas Covid 19, undian secara atas talian/*online* (kelulusan SKM).
- b) Prosedur pemilihan ALK adalah secara telus seperti di **Lampiran A** :-
 - 1. Kelayakan calon wajib genap 2 tahun keanggotaan KPATB (Undang-Undang Kecil 36 Fasal 2)
 - 2. Tiada masalah laporan BNM, CCRIS & CTOS
 - 3. Pengiklanan pencalonan disiarkan dalam Berita Harian, Laman Web KPATB & *Facebook* KPATB
 - 4. Semua permohonan calon dihantar ke SKM bagi kelulusan tapisan calon
 - 5. Keputusan kiraan undian calon disaksikan wakil calon dan disahkan oleh Arbitrator
 - 6. Keputusan kiraan calon diumumkan oleh Ketua Arbitrator

9.2.3 Nama Anggota : Mohd Asmadi bin Ahmad (N/A:45285) – Usul 1 (ii) – Peranan Anggota Lembaga Koperasi

Bagi mengurangkan beban kos di dalam membangunkan KPATB, dicadangkan supaya jumlah ALK dikurangkan. Ini dapat memastikan ALK tahu peranan dan tugas masing-masing serta KPATB mampu merancang dengan lebih baik untuk masa hadapan.

9.2.4 Jawapan kepada Usul 1 (ii) di atas adalah :-

- a) Merujuk Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan dengan Garis Panduan, tiap-tiap Koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada 6 orang dan tidak lebih daripada 15 orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada Mesyuarat Agung Tahunan. Rujuk **Lampiran B**.
- b) Merujuk Undang-Undang Kecil 35, Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi 9 orang yang terdiri daripada anggota yang dipilih oleh Mesyuarat Agung, menurut Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan dengan Garis Panduan dan Undang-Undang Kecil 33 (d)(1). Rujuk **Lampiran C**.

9.3 Usul 2 adalah seperti berikut :-

9.3.1 Nama Anggota : Rosmawaty binti Mohamad (N/A:41551) – Kuota Pemilihan Anggota Lembaga

Mencadangkan untuk pemilihan ALK akan datang tidak dikenakan kuota bersara/masih berkhidmat untuk bertanding.

9.3.2 Jawapan kepada Usul 2 di atas adalah :-

- a) Merujuk Pekeliling SKM.IP. (AM) 7964 SJ. 5 (41) Bertarikh 3 April 2012 (Perenggan Bil. 3), berhubung penglibatan pesara sebagai Anggota Lembaga bagi Koperasi yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan dan swasta seperti di **Lampiran D**.
- b) Bagi membendung perkara ini daripada berlanjutan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Bil.6/2011 telah memutuskan bahawa bilangan pesara dalam Lembaga Koperasi tersebut hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada jumlah Anggota Lembaga. Ini bermakna tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada mereka yang masih berkhidmat.
- c) Merujuk Pekeliling SKM.IP. (AM) 7964 SJ. 5 Jilid 2 (23) bertarikh 10 Mei 2021 (Perenggan bil. 2) berkaitan pemansuhan pekeling berhubung penglibatan pesara sebagai Anggota Lembaga bagi Koperasi yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan dan swasta. Rujuk **Lampiran E**.
- d) Adalah dimaklumkan bahawa pekeling berhubung penglibatan pesara sebagai Anggota Lembaga bagi Koperasi yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan dan swasta bertarikh 3 April 2012 dimansuhkan. Walau bagaimanapun Koperasi boleh melaksanakan pekeling tersebut serta menyatakan dengan jelas mengenai perkara ini di dalam Undang-Undang Kecil. Pemansuhan pekeling ini adalah berkuatkuasa serta - merta.
- e) Merujuk GP3 : Garis Panduan Pelantikan atau Pelantikan Semula ALK (Pindaan) 2012 Fasal 14, menurut Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ALK hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap tahun pada MAT. Sekiranya MAT tidak dijalankan pada tahun itu, giliran pengosongan jawatan hendaklah diambil kira. Rujuk **Lampiran F**.

PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang terlibat. Pengerusi memberi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada beliau sepanjang mempengerusikan Mesyuarat Agung kali ini. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

LAMPIRAN A



Kelayakan menjadi anggota Lembaga

36. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (e) telah meletakkan jawatan atau menarik diri sebagai anggota Lembaga dalam tempoh tiga tahun dari tarikh peletakan jawatan atau penarikan diri tersebut;
- (f) mempunyai pertalian keluarga mengikut undang-undang dengan mana-mana anggota Lembaga Koperasi; atau
- (g) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun.

(2) Walau apapun fasal (5) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

37. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.

(2) Aturan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut sub subperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Sekiranya mesyuarat agung tahunan tidak diadakan maka penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku. Pengguguran akan berlaku pada mesyuarat agung tahunan yang terdekat diadakan.

(5) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkeelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung tahunan akan datang.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**AKTA
KOPERASI
1993 DAN
PERATURAN-
PERATURAN**

DENGAN GARIS PANDUAN

**DITERBIT DAN DICETAK OLEH : MDC PUBLISHERS SDN. BHD.
HARGA: RM 150.00**

AKTA KOPERASI 1993

Notis mesyuarat untuk Suruhanjaya

41. Tiap-tiap koperasi hendaklah memberi Suruhanjaya notis bertulis yang munasabah tentang segala mesyuarat agung yang dikehendaki diadakan oleh koperasi itu dan hendaklah memberikan Suruhanjaya maklumat yang berhubungan dengan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat itu; dan Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa melalui perintah am atau khas secara bertulis oleh Suruhanjaya hendaklah mempunyai hak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sedemikian dan memberikan nasihat tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi Suruhanjaya atau orang yang diberi kuasa itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

Lembaga koperasi

42. Tertakluk kepada peraturan-peraturan atau perintah atau arahan atau garis panduan, tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan.

Jawatankuasa Audit Dalaman

42A. (1) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Audit Dalaman yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada lima orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga.

(2) Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa itu hendaklah diperuntukkan dalam undang-undang kecil.

(3) Bagi maksud seksyen ini, perkataan “pegawai” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 tidaklah termasuk anggota Jawatankuasa Audit Dalaman.

Kelayakan bagi dilantik menjadi anggota Lembaga

43. (1) Tiada seorang pun layak dilantik menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga sesuatu koperasi jika dia telah—

(a) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(b) dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi.

LAMPIRAN C



Fungsi mesyuarat agung

33. (1) Fungsi mesyuarat agung tahunan hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
 - (b) menimbang laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
 - (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan laporan juruaudit;
 - (d) memilih anggota Lembaga;
 - (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
 - (f) membentangkan laporan berkenaan dengan penerimaan deposit, pembiayaan dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
 - (g) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
 - (h) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau seorang pegawai Suruhanjaya untuk mengaudit akaun Koperasi;
 - (i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi;
 - (j) menimbang dan meluluskan surat cara deposit, pembiayaan atau pinjaman;

LAMPIRAN D



Pengerusi Pengerusi

Ruj kami : SKM.IP. (AM) 7964 SJ. 5 (41)
Tarikh : 3 April 2012

Surat ini dikelilingkan kepada –

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tuan,

**PEKELILING BERTUJUAN PENGLIBATAN PESARA SEBAGAI ANGGOTA
LEMBAGA BAGI KOPERASI YANG DIANGGOTAI OLEH KAKITANGAN
KERAJAAN DAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mendapati sejak akhir-akhir ini, terdapat kecenderungan koperasi yang dianggotai oleh kakitangan Kerajaan dan Swasta untuk melantik pesara sebagai anggota Lembaga. Di samping menyekat peluang anggota yang masih berkhidmat untuk menjadi anggota Lembaga, pelantikan tersebut turut memberi kesan kepada perkembangan koperasi dalam jangka masa panjang kerana tiada barisan pelapis yang berpengalaman untuk menerajui koperasi pada masa hadapan.

3. Bagi membendung perkara ini daripada berlanjutan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Bil.6/2011 telah memutuskan bahawa bilangan pesara dalam Lembaga koperasi tersebut hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah anggota Lembaga. Ini bermakna, tidak kurang dua pertiga daripada jumlah anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada mereka yang masih berkhidmat.

SKM
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Bangunan 17, Jalan
100 Petrus Platan,
Jalan Petrus
50150 Kuala Lumpur
Tel : 63-6047 4620
Faks : 63-6047 4561

Laman Web : www.skm.gov.my
Telefon Melayu : 63-6047 4620
Email : pusat@skm.gov.my

1 / 2

LAMPIRAN E



PENGERUSI EKSEKUTIF
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 11
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



SURUHANJAYA
KOPERASI
MALAYSIA

Tel: +603-2083 4334
Faks: +603-2083 4114
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
Email: pengurusieksekutif@skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM):7964 SJ.5 JILID.2 (23)
Tarikh : 10 Mei 2021

Surat ini dikelilingkan kepada –

Semua Koperasi

Tuan / Puan,

**PEMANSUHAN PEKELILING BERHUBUNG PENGLIBATAN PESARA
SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA BAGI KOPERASI YANG DIANGGOTAI
OLEH KAKITANGAN KERAJAAN DAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas dan surat SKM.IP.(AM): 7964 SJ.5 (41) bertarikh 3 April 2012 adalah berkaitan.


2. Adalah dimaklumkan bahawa Pekeliling Berhubung Penglibatan Pesara Sebagai Anggota Lembaga Bagi Koperasi Yang Dianggotai Oleh Kakitangan Kerajaan Dan Swasta bertarikh 3 April 2012 **dimansuhkan**. Walau bagaimanapun koperasi boleh melaksanakan pekeling tersebut serta menyatakan dengan jelas mengenai perkara ini di dalam undang-undang kecilnya. Pemansuhan pekeling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK NORDIN BIN SALLEH)

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**AKTA
KOPERASI
1993 DAN
PERATURAN-
PERATURAN**

DENGAN GARIS PANDUAN

DITERBIT DAN DICETAK OLEH : MDC PUBLISHERS SDN. BHD.
HARGA: RM 150.00

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP3: GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta). Ia bertujuan untuk menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam proses pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

PELANTIKAN SEMULA ALK

14. Menurut Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ALK hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap tahun di MAT. Sekiranya MAT tidak dijalankan pada tahun itu, giliran pengosongan jawatan hendaklah diambil kira.

Contoh: Koperasi ABC Bhd mempunyai 9 orang ALK.

GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012








Pada MAT tahun pertama, 1/3 (3 orang) ALK akan mengosongkan jawatan. MAT tahun kedua tidak diadakan. Oleh itu, pada MAT tahun ketiga, 2/3 (6 orang) ALK akan mengosongkan jawatan dan kesemua ALK telah mengosongkan jawatan ALK.

Tahun	Bilangan ALK	Pengosongan Jawatan	ALK Dikekalkan	ALK Baru Dilantik
1	9	3	6	3
2*	9	0	9	0
3	9	6	3	6

Nota: MAT tidak diadakan.*

LAMPIRAN
Kepada Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke – 52
25 September 2022

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 52
YANG MENYEMAK DRAF MINIT PADA 14 OKTOBER 2022**

Bil	No. Anggota	Nama Anggota Jawatankuasa	Tandatangan
1	40251	Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah	
2	23481	Lt Kol Mohd Faisal bin Mahidin	
3	18161	PW U 1 (B) Samsuddin bin Ahmad	
4	19507	Kpl (B) Mohd Zaki bin Ismail	
5	42979	PW II Noorshaifulhisham bin Mohd Noor	
6	45005	Mej Nazrizal bin Rus	
7	21532	PW U 1 Hairul Azhar bin Sirojudin	
8	19609	Sjn Norazean Irdanita binti Jemain	
9	29502	SSjn Che Johan bin Che Rani	
10	38614	Sjn Mohd Shahril Hafiz bin Mohamad	

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan, penyata dan akaun-akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

1. SENARIO 2022

- 1.1 Pada tahun 2022 Koperasi merekodkan kerugian dari segi perolehan pendapatan dan juga keuntungan. Namun Koperasi akan sentiasa mencari peluang perniagaan yang bersesuaian dengan pengalaman yang ada supaya risiko kerugian dapat diminimakan dalam meningkatkan kembali prestasi perolehan pendapatan dan juga keuntungan di masa akan datang.
- 1.2 Koperasi merekodkan kerugian bersih sebelum cukai sebanyak (RM498,257) bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Berdasarkan perolehan pendapatan bagi tahun 2022, pendapatan secara keseluruhan dilihat meningkat daripada RM2.64 juta bagi tahun 2021 kepada RM2.87 juta bagi tahun 2022. Analisis kewangan mendapati bahawa pendapatan dari aktiviti kredit dilihat berlaku peningkatan dari RM1.96 juta bagi tahun 2021 kepada RM2.07 juta bagi tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh pelupusan hutang lapuk pulih dari aktiviti pinjaman bagi tahun 2019 sehingga 2021 sebanyak RM636,058.

2. PELABURAN DAN HARTANAH

- 2.1 Pendapatan dari pelaburan dan hartanah menunjukkan peningkatan sebanyak 73.4% daripada RM437,010 pada tahun 2021 kepada RM758,771 pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah hasil sewaan hotel di Seksyen 20, Shah Alam.

3 PRESTASI

3.1 Keanggotaan

- 3.1.1 Jumlah kemasukan anggota baru Koperasi menunjukkan penurunan iaitu daripada 44 orang pada tahun 2021 kepada 36 orang pada tahun 2022. Manakala bilangan anggota berhenti dilihat berlaku peningkatan sebanyak 9.5% daripada 886 orang bagi tahun 2021 kepada 970 orang bagi tahun 2022. Jumlah anggota yang meninggal dunia pada tahun 2022 ialah seramai 4 orang. Jumlah keseluruhan bilangan keanggotaan Koperasi merekodkan penurunan sebanyak 22.9% dari 6,863 orang kepada 5,588 orang pada tahun berakhir 31 Disember 2022.
- 3.1.2 Modal caruman yuran anggota pada tahun 2022 menunjukkan sedikit penurunan sebanyak RM1.97 juta iaitu daripada RM39.53 juta kepada RM37.55 juta. Manakala bagi modal syer anggota juga menunjukkan penurunan sebanyak 8.3% daripada RM1.37 juta bagi tahun 2021 kepada RM1.26 juta bagi tahun 2022.
- 3.1.3 Nisbah bilangan keanggotaan dan pegangan modal syer dan yuran adalah seperti di bawah :-



3.2 Pembiayaan Pinjaman


- 3.2.1 Jumlah pengeluaran pembiayaan pada tahun 2022 kepada anggota menunjukkan penurunan iaitu RM1.11 juta berbanding RM2.13 juta bagi tahun 2021 yang melibatkan sejumlah 150 bilangan pembiayaan bagi tahun 2022. Peratusan penurunan dicatatkan sebanyak 47.9% berbanding tahun 2021. Graf pengeluaran pembiayaan bagi tempoh 5 tahun terdahulu disediakan di bawah:-



- 3.2.2 Antara faktor utama kemerosotan dari segi pembiayaan anggota ini adalah disebabkan kekurangan suntikan modal dan sokongan yang lemah dari institusi kewangan tempatan. Selain itu, aliran tunai kewangan yang perlahan juga menjadi salah satu faktor menyebabkan berlakunya kemerosotan dari segi pembiayaan anggota. Koperasi dalam usaha untuk memperbaiki aliran tunai bagi meningkatkan kembali aktiviti pembiayaan dengan mencairkan aset-aset Koperasi serta mengadakan usahasama dengan agensi-agensi dalam bidang perumahan dan hartanah.

3.3 Penyeliaan & Kutipan

- 3.3.1 Jumlah kutipan ansuran bayaran balik merekodkan penurunan sebanyak 41.9% daripada RM10.77 juta bagi tahun 2021 kepada RM7.59 juta bagi tahun 2022.
- 3.3.2 Graf kutipan bagi ansuran bayaran balik pinjaman dan caruman yuran anggota melalui potongan gaji bagi tempoh 5 tahun terdahulu adalah seperti berikut:-



3.4 Prestasi Kewangan

- 3.4.1 Analisis prestasi kewangan pada tahun 2022 menunjukkan kemerosotan dari segi pengeluaran pembiayaan kepada anggota di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan adalah sebanyak RM1.11 juta berbanding RM2.13 juta bagi tahun 2021.
- 3.4.2 Bagi tahun kewangan berakhir 2022, kerugian bersih sebelum cukai yang di catatkan adalah sebanyak (RM498,257). Faktor kerugian disebabkan perolehan pendapatan daripada aktiviti pembiayaan anggota yang menurun.
- 3.4.3 Berdasarkan laporan kewangan berakhir 2022, kos perbelanjaan pentadbiran Koperasi mencatatkan penurunan daripada RM811 ribu bagi tahun 2021 kepada RM732 ribu bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Kos kewangan yang melibatkan kemudahan dari institusi-institusi kewangan juga merekodkan penurunan sebanyak 0.19% daripada RM1.31 juta pada tahun 2021 kepada RM1.06 juta bagi tahun 2022. Penurunan ini disebabkan hutang pembiayaan dari institusi kewangan semakin berkurang.
- 3.4.4 Prestasi keuntungan semasa Koperasi pada tahun 2022 mencatatkan kerugian sebanyak (RM498,257). Oleh yang demikian, dividen tidak dapat diagihkan kepada anggota.

- 3.4.5 Jumlah aset keseluruhan Koperasi merekodkan penurunan sebanyak 0.12% iaitu daripada RM66.5 juta kepada RM58.9 juta bagi tahun 2022. Jumlah aset semasa bersih pula merekodkan kerugian daripada (RM2.34 juta) bagi tahun 2021 kepada (RM9.82 juta) bagi tahun 2022.



- 3.4.6 Dari segi modal yuran dan syer menunjukkan penurunan sebanyak 0.06% dari RM40.9 juta kepada RM38.8 juta bagi tahun 2022. Bagi tahun 2022 kadar pulangan ke atas syer (EPS) direkodkan kerugian sebanyak RM0.02 sesaham.
- 3.4.7 Jumlah pendapatan merekodkan peningkatan iaitu dari RM2.64 juta kepada RM2.87 juta bagi tahun 2022. Manakala jumlah perbelanjaan operasi dan tadbir Koperasi menunjukkan penurunan dari RM6.05 juta kepada RM3.37 juta. Penurunan ini disebabkan oleh kos penyelenggaraan menurun dan tiada peruntukan untuk hutang lapuk yang perlu dilupuskan.




4 MASA DEPAN

- 4.1 Koperasi dalam usaha mencairkan aset-aset Koperasi bagi meningkatkan kembali aliran tunai koperasi dengan melantik beberapa *Real Estate Agency* bagi menguruskan sewaan dan jualan aset.
- 4.2 Koperasi juga melantik beberapa agen kutipan hutang yang proaktif dan berkualiti untuk menjalankan usahasama dalam pengurusan kutipan hutang lapuk bagi mengukuhkan kembali aliran tunai Koperasi.
- 4.3 Selain itu, usahasama Koperasi dengan agensi dalam bidang perumahan dan hartanah merupakan satu lagi usaha Koperasi untuk meningkatkan lagi pendapatan Koperasi.

5 PENGHARGAAN

- 5.1 Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan, komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam pelbagai bentuk demi kemajuan dan kejayaan Koperasi ini.
- 5.2 Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di atas pandangan, sokongan, panduan dan bantuan yang diberikan selama ini bagi membolehkan Koperasi ini terus maju dan berdaya saing di masa-masa akan datang. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan di semua peringkat di atas kesungguhan dan dedikasi yang ditunjukkan dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan sehingga mampu meletakkan Koperasi berada kukuh hingga kini.
- 5.3 Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat saya di dalam Anggota Lembaga Koperasi kerana memberi kerjasama, idea, panduan, dan nasihat yang tidak ternilai dan Penasihat Kewangan Koperasi, pihak Juruaudit Dalam dan Luar serta tuan-puan anggota-anggota Koperasi.
- 5.4 Semoga Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad akan perolehi kejayaan dan mampu menyahuti cabaran yang lebih gentir di masa akan datang. Insya Allah.

Sekian, wassalam.



Lt Kol Azarul Azuan bin Abdullah
Pengerusi

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

Dan Syarikat Subsidiari

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Lt. Kol. Azarul Azuan bin Abdullah	Pengerusi
Lt. Kol. Zulkifle bin Hashim	Naib Pengerusi
Lt. Kol. Mohd Faisal bin Mahidin	Setiausaha
PW U I (B) Samsuddin bin Ahmad	Bendahari
Mej. Muhamad Azuan bin Salehudin	Anggota Lembaga
Kapt. Ahmad Tormudi bin Ja'afar (B)	Anggota Lembaga
PW I (YOS) Nurzalifah binti Mohd Nor	Anggota Lembaga
PW I (B) Kamal bin Ahmad	Anggota Lembaga
KPL Mohd Zaki bin Ismail	Anggota Lembaga

PENASIHAT KEWANGAN

Lt. Kol. Azhar bin Ahmad

PEJABAT BERDAFTAR

No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II)
53300 Kuala Lumpur

ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT

No. 35A-1-1, Jalan Wangsa Delima 5, Seksyen 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC II)
53300 Kuala Lumpur

JURUAUDIT BEBAS

A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwitasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

Affin Bank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
Bank Muamalat Malaysia Berhad
Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad

KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Koperasi perumahan Angkatan Tentera Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

